**PERATURAN PEMARKAHAN KERTAS 2**
**PERCUBAAN**

| Soalan | Butiran | Markah |
|---|---|---|
| 1 (a) | **Kepentingan untung dalam perniagaan ialah:** | |
| | H1 Petunjuk kecekapan perniagaan | 1m |
| | H2 Mengukur tahap prestasi / visi, misi atau objektif tercapai | 1m |
| | H3 Perniagaan dapat diteruskan / memastikan kelangsungan perniagaan | 1m |
| | H4 Dapat mengembangkan perniagaan / memajukan perniagaan | 1m |
| | H5 Meningkatkan imej perniagaan | 1m |
| | H6 Menarik pelaburan baharu / menyakinkan pihak pelabur | 1m |
| | H7 Menjalankan tanggungjawab sosial | 1m |
| | H8 Sumber pendapatan usahawan | 1m |
| | | **Max 4m** |
| (b) | (i) **Ciri-ciri perniagaan francais ialah:** | |
| | H1 Dikendalikan megikut sistem yang telah ditetapkan oleh francaisor | 1m |
| | H2 Dijalankan mengikut tempoh yang ditetapkan dalam perjanjian | 1m |
| | H3 Francaisi berhak menggunakan cap atau rahsia dagangan milik francaisor | 1m |
| | H4 Francaisor mengenakan kawalan berterusan kepada francaisi | 1m |
| | H5 Francaisor bertanggungjawab memberikan bantuan kepada francaisi | 1m |
| | H6 Francaisi membuat bayaran dalam bentuk fi kepada francaisor | 1m |
| | H7 Francaisor dan francaisi boleh menjalankan aktiviti perniagaan secara berasingan | 1m |
| | | **Max 3m** |
| | (ii) **Kelebihan perniagaan francais ialah:** | |
| | H1 Perniagaan yang sistematik | 1m |
| | H2 Reka bentuk seragam | 1m |
| | H3 Sokongan pengurusan daripada francaisor | 1m |
| | H4 Jenama terkenal dan jaringan perniagaan yang lebih luas | 1m |
| | H5 Tidak perlu banyak pengalaman dalam perniagaan | 1m |
| | | **Max 3m** |
| 2 (a) | **Peranan MATRADE membantu usahawan mengembangkan perniagaan ialah:** | |
| | H1 Mencari dan membangunkan kawasan perdagangan baharu / mengenal pasti pasaran baharu di luar negara | 1m |
| | H2 Menemukan pengeksport Malaysia dengan pengimport dari luar negara | 1m |
| | H3 Mengekalkan perhubungan antara pengimport dan pengeksport berdaftar | 1m |
| | H4 Mencetak dan mengedarkan risalah aktiviti perdagangan Malaysia | 1m |
| | H5 Mengadakan misi perdagangan ke luar negara untuk pengeluar tempatan / membawa masuk pengimport dari luar negara | 1m |
| | H6 Mengambil bahagian dalam pameran perdagangan antarabangsa / mempromosikan barangan keluaran Malaysia | 1m |

| | | |
|---|---|---|
| | H7 Mengeratkan perhubungan perdagangan dengan negara lain<br>H8 Merancang dan mengendalikan seminar perdagangan antarabangsa untuk pengesksport | 1m<br>1m<br>**Max 4m** |
| **(b)** | (i) **Pengangguran kitaran**<br>H1 Disebabkan keadaan ekonomi meleset<br>H2 Perniagaan kehilangan sebahagian pendapatan / keuntungan<br>H2 Majikan tidak mampu membayar gaji kepada pekerja<br>H3 Majikan terpaksa mengurangkan bilangan pekerja | 1m<br>1m<br>1m<br>1m<br>**Max 2m** |
| | (ii) **Pengangguran struktur**<br>H1 Berlaku ekoran perubahan dalam industri secara keseluruhan<br>H2 Tidak memerlukan kemahiran pekerja | 1m<br>1m<br>**Max 2m** |
| **(c)** | **Cara kerajaan mengatasi pengangguran struktur ialah:**<br>H1 Membuat perancangan ekonomi sesuai dengan trend perubahan ekonomi dan perniagaan<br>H2 Merangka perubahan keperluan tenaga pekerja selari dengan perubahan semasa | 1m<br>1m<br>**Max 2m** |
| **3 (a)** | F1 **Spesifik**<br>H1a Pernyataan objektif secara khusus / jelas<br>H1b Menjual minyak wangi / syarikat pengeluar minyak wangi<br>F2 **Boleh diukur**<br>H2a Boleh diukur secara kualitatif / kuantitatif<br>H2b Mengeluarkan sebanyak 200,000 botol minyak wangi<br>F3 **Boleh dicapai**<br>H3a Mampu mencapai sasaran yang ditetapkan<br>H3b Berjaya mengeluarkan sebanyak 250,000 botol minyak wangi<br>F4 **Munasabah**<br>H4a Tidak mustahil untuk dicapai<br>H4b Merupakan sebuah syarikat pengeluar minyak wangi<br>F5 **Jangka masa**<br>H5aTempoh masa untuk mencapai objektif yang ditetapkan<br>H5b Dalam tempoh setahun/2017 hingga 2018/tercapai pada 2018<br>[Mana-mana 2F+2H] | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>**Maks 4m** |
| **3 (b) (i)** | X = Kos Berubah<br>Y = Kos Tetap | 1<br>1<br>**Maks 2m** |
| **(ii)** | **kesan kepada Perniagaan Pastri Sedap sekiranya pengeluaran pastri berada di kawasan berlorek** | |

| | | |
|---|---|---|
| | H1 Memperoleh keuntungan<br>H2 Unit pengeluaran melebihi 500 unit / jumlah kos melebihi RM3000<br>H3 Tingkat kecekapan perniagaan tinggi<br>H4 Kos seunit pengeluaran rendah<br>H5 Menikmati ekonomi bidangan<br>H6 Produktiviti meningkat<br>H7 Jumlah hasil melebihi jumlah kos | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>**Max 4M** |
| **4 (a)** | **kemahiran kebolehkerjaan perlu dimiliki oleh individu yang berminat untuk memohon jawatan kosong tersebut**<br><br>F1 **Kelayakan yang bersesuaian**<br>H1 Majikan mengambil pekerja berdasarkan kelayakan yang bersesuaian dengan keperluan perniagaan<br><br>F2 **Berpengalaman**<br>H1 Pekerja yang mempunyai pengalaman merupakan kelebihan kepada perniagaan<br>H2 Majikan memberikan keutamaan kepada calon yang berpengalaman dalam pelbagai industry<br>H3 Menjimatkan masa / kos latihan pekerja<br><br>F3 **Berpengalaman dalam industri tertentu**<br>H1 Pekerja dapat melaksanakan tugas dengan baik<br><br>[Mana-mana 2F+2H] | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>**Max 4M** |
| **(b)** | **Tujuan sistem penggajian dalam organisasi**<br><br>H1- Bagi menarik pekerja bekerja dalam organisasi<br>H2- Mengekalkan pekerja yang berpengalaman untuk bekerja<br>H3- Memotivasikan pekerja<br>H4- Menghargai jasa dan sumbangan pekerja<br>H5- Membantu organisasi berdaya maju | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>**Max 4M** |
| | **kegunaan carta organisasi dalam sesebuah perniagaan**<br><br>H1- Menunjukkan cara pembahagian kerja<br>H2- Menentukan jenis tugas<br>H3- Menetapkan tanggungjawab yang perlu dilakukan<br>H4- Hierarki pengurusan organisasi<br>H5- Hubungan antara ketua dengan pekerja | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>**Max 2M** |

| | | |
|---|---|---|
| **5 (a)** | **Sumbangan usahawan / Amirul kepada masyarakat**<br>H1 Memenuhi keperluan dan kehendak masyarakat<br>H2 Menyediakan pelbagai produk dan perkhidmatan<br>H3 Menyediakan peluang pekerjaan<br>H4 Mengurangkan pengangguran<br>H5 Mengurangkan kadar jenayah<br>H6 Menyediakan tanggungjawab sosial | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>**Max 3M** |
| **(b)** | **Kelebihan menjadi usahawan kepada keluarga dan masyarakat**<br>F1 Peluang membuka perniagaan baharu.<br>F2 Waris / anak dapat mewarisi perniagaan<br>F3 Memupuk minat keusahawanan di kalangan ahli keluarga<br>F4 Memenuhi keperluan dan kehendak masyarakat<br>F5 Menawarkan pelbagai jenis produk / perkhidmatan<br>F6 Membuka peluang pekerjaan kepada masyarakat<br>F7 Mewujudkan ketenteraman dengan mengurangkan kadar jenayah | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>**Max 4M** |
| **(c)** | **Kepentingan menyediakan penyata kewangan kepada usahawan**<br>F1 Dapat menganggar kos / modal bagi memulakan perniagaan<br>F2 Dapat menentukan jumlah sumber / nilai pembiayaan yang dipohon<br>F3 Dapat merancang kaedah pembayaran balik pinjaman<br>F4 Dapat memberi gambaran tentang projek berdaya maju / tidak<br>F5 Meyakinkan pelabur / pihak bank | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>**Max 3M** |
| **6 (a)** | F1 **Penyata Pendapatan**<br>H1 Terdiri daripada akaun perdagangan dan akaun untung rugi<br>H2 Memberikan maklumat tentang untung atau rugi<br>F2 **Kunci Kira-Kira**<br>H2 Penyata kedudukan kewangan yang mengandungi butiran tentang aset, liabiliti dan ekuiti pemilik perniagaan<br>F3 **Penyata Aliran Tunai**<br>H3 Menunjukkan sumber perolehan tunai bagi suatu tempoh tertentu seperti suku tahunan dan tahunan | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>**Max :6m** |

<table>
<tr><td>(b)</td><td>Faktor perlu dipertimbangkan untuk memulakan perniagaan baharu ialah :<br>F1 Jumlah modal<br>H1a Merupakan wang tunai, inventori / peralatan<br>H1b Sumber pembiayaan dalam dan luaran<br>H1c Contoh TEKUN / MARA / PUNB<br>F2 Kemahiran<br>H2a Membolehkan usahawan memanfaatkan teknologi terkini<br>H2b Meluaskan rangkaian perniagaan<br>H2c Kemahiran pengurusan kewangan / pemasaran produk / media sosial<br>F3 Lokasi Sesuai<br>H3a Dapat menentukan jumlah kos<br>H3b Menentukan potensi meraih keuntungan<br>H3c Lokasi yang strategic<br>H3d Tempat tumpuan ramai<br>H3e Berhampiran pembekal / pembeli<br>H3f Ada kemudahan infrastruktur<br>F4 Stok<br>H4a Stok mencukupi untuk kelancaran perniagaan<br>H4b Stok bergerak pantas<br>H4c Stok bergerak perlahan<br>F5 Latihan<br>H5a Usahawan berpengetahuan dan berkemahiran<br>H5b Usahawan mengaplikasikan kursus / latihan dipelajari<br>H5c Dapat membuat perancangan perniagaan<br>F6 Bantuan professional<br>H6a Sokongan dan bantuan dalam bentuk kewangan / nasihat / kursus<br>H6b Bantuan kewangan dalam bentuk modal dan subsidi<br>H6c Agensi seperti MARA, CGC, MOSTI<br>[Mana-mana 2F+2H]</td><td>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br><br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br><br>Max :4m</td></tr>
<tr><td>7 (a)</td><td>Perbezaan antara syarikat sendirian berhad dengan syarikat awam berhad :<br><table><tr><td>Syarikat sendirian berhad</td><td>Syarikat awam berhad</td></tr><tr><td>Saham syarikat tidak boleh diurusniagakan di Bursa Malaysia</td><td>Saham syarikat boleh diurusniagakan di Bursa Malaysia</td></tr><tr><td>Bilangan ahli dibenarkan antara 2 hingga 50 orang</td><td>Bilangan ahli yang dibenarkan antara 2 hingga tiada had</td></tr><tr><td>Laporan kewangan tidak perlu diumumkan kepada orang awam</td><td>Laporan kewangan tahunan perlu diumumkan kepada orang awam</td></tr><tr><td>Saham tidak boleh pindah milik tanpa persetujuan ahli.</td><td>Saham boleh pindah milik tanpa persetujuan ahli.</td></tr></table></td><td>1 + 1<br>1 + 1<br>1 + 1<br>1 + 1<br><br>Max :6m</td></tr>
<tr><td>(b)</td><td>(i) Kesan deflasi ialah :<br>F1 Membantutkan aktiviti perniagaan<br>H1 kerana penduduk ramalkan harga barang akan terus jatuh dan menangguhkan pembelian</td><td>1<br>1</td></tr>
</table>

| | | |
|---|---|---|
| | F2 **Penduduk kehilangan pekerjaan**<br>H2 mengakibatkan penduduk tidak mampu membeli barang di pasaran.<br>F3 **Kuasa beli penduduk berkurangan**<br>H3 maka permintaan terhadap barang di pasaran merosot. | 1<br>1<br><br>1<br>1<br>**Max :4m** |
| | (ii) Langkah kerajaan untuk mengatasi deflasi ialah<br>H1 Mengurangkan kadar cukai dibayar pengguna untuk Meningkatkan pendapatan boleh guna penduduk.<br>H2 Memberi khidmat nasihat dan perundangan untuk mendidik peniaga mengoptimumkan penggunaan sumber.<br>H3 Menurunkan kadar faedah simpanan di bank untuk pengguna meningkatkan perbelanjaan.<br>H4 Melaksanakan dasar fiskal untuk meningkatkan permintaan barang / merancakkan aktiviti perniagaan | 1<br>1<br>1<br>1<br>**Max :3m** |
| **8 (a)** | i) **Dokumen yang berkaitan dengan urusniaga kredit yang perlu disimpan oleh Jimin:**<br><br>F1-**Invois**<br>H1a-Dokumen yang dihantar oleh penjual kepada pembeli membeli barangan secara kredit<br>H1b-berfungsi untuk memaklumkan pembeli tentang jenis dan kuantiti barang yang dibeli dan jumlah amaun yang perlu dibayar<br><br>F2-**Nota debit**<br>H2a-Digunakan semasa kesilapan pengiraan seperti terkurang caj dalam invois asal<br>H2b-Butiran tertinggal dalam invois<br>**[2F + 2H]** | 1<br>1<br>1<br><br>1<br>1<br>1<br>**Maks 4** |
| | ii) **Sebab dokumen nota kredit dikeluarkan:**<br><br>H1-Untuk memaklumkan pembeli bahawa hutangnya telah berkurang<br>H2-Digunakan semasa berlaku kesilapan dalam pengiraan seperti terlebih caj<br>H3-Digunakan apabila pembeli memulangkan barang kerana salah jenama, rosak atau tidak sama modal. | 1<br>1<br>1<br><br>**Maks 2** |
| **(b)** | i) **Tujuan mengurus sumber teknologi Sunho Borneo Express.**<br><br>F1-**Kemahiran dan pengalaman**<br>H1a-Pekerja Sunho Borneo Express yang mempunyai kemahiran tinggi dan berpengalaman dapat menjamin kualiti dan perkhidmatan penghantaran<br>H1b- Sunho juga perlu memastikan pekerja yang mahir dan berpengalaman ini kekal bekerja dengannya<br>**[1F + 1H]** | 1<br>1<br>1 |

| | | |
|---|---|---|
| | | **Maks 2** |
| | ii) **Prosedur mengurus sumber fizikal yang diperlukan oleh Encik Sunho:**<br><br>F1-**Perlindungan insurans dan keselamatan**<br>H1a-Sunho perlu mengambil insurans yang sesuai untuk mendapat perlindungan dan mengelakkan berlakunya kerugian<br>H1b-Contohnya, insurans kebakaran dan insurans kecurian<br>H1c-Sunho juga perlu memastikan pejabatnya mempunyai alat penggera, alat pemadam api, kamera litar tertutup dan laluan kecemasan<br>H1d-Semua pekerjanya juga mestilah mematuhi standard prosedur operasi yang sudah ditetapkan semasa bekerja<br><br>F2-**Penyelenggaraan dan baik pulih secara terancang**<br>H2a-Sunho perlu memastikan mesin dapat berfungsi dengan baik<br>H2b-Penyelenggaraan secara berkala bagi memastikan operasi perniagaan berjalan lancar.<br>H2c-Sunho perlu melakukan kerja pemeriksaan mesin sebelum kerosakan berlaku<br>H2d-Beliau juga perlu membaiki mesin jika berlaku kerosakan yang berlaku.<br><br>**[2F + Mana mana H]** | 1<br>1<br>1<br>1<br><br>1<br><br>1<br>1<br>1<br><br>1<br>1<br><br>**Maks 7** |
| **9 (a)** | (i) Peratusan untung bersih perniagaan Restoran Ayam Hebat<br><br>F1-Peratusan untung bersih perniagaan<br>$\frac{\text{Untung bersih}}{\text{Jumlah Jualan}} \times 100\%$<br><br>H1a- = $\frac{\text{RM90 000}}{\text{Rm250 000}} \times 100\%$<br><br>H1b- = 36% | <br><br>1<br><br>1<br><br>1<br><br>**Maks 3** |
| | (ii)<br><br>F1- Bagi setiap ringgit jualan yang dibuat, sebanyak RM0.35 (35%) untung bersih diperolehi<br>H1a-Semakin banyak jualan, maka samakin banyak untung bersih diperolehi. | <br><br>1<br><br>1<br><br>**Maks 2** |
| **(b)** | (i) Tanggungjawab yang perlu dipatuhi oleh ushawan<br><br>H1-Mempamerkan sijil perakuan pendaftaran perniagaan dan lesen perniagaan di tempat yang boleh dilihat.<br>H2-Mempamerkan papan tanda perniagaan yang mengikut spesifikasi yang ditetapkan oleh pihak berkuasa tempatan.<br>H3-Nama dan nombor pendaftaran perniagaan tertera pada dokumen rasmi perniagaan seperti resit, invois dan nota serahan.<br>H4-Memperbaharui sijil perakuan pendaftaran perniagaan bila-bila masa sebelum 30 hari selepas pemerbadanan sesebuah perniagaan.<br>H5-Mendaftarkan perubahan maklumat perniagaan dalam masa 30 hari dari tarikh perubahan.<br>H6-Menamatkan pendaftaran perniagaan dalam tempoh 30 hari dari tarikh penamatan perniagaan. | <br><br>1<br><br>1<br><br>1<br><br>1<br><br>1<br><br>1 |

| | | |
|---|---|---|
| | | **Maks 4** |
| | (ii) Prosedur yang perlu dipatuhi oleh usahawan untuk mendapatkan sumber pembiayaan luaran<br><br>H1-Menyediakan rancangan perniagaan<br>H2-Mendapatkan khidmat nasihat daripada institusi kewangan<br>H3-Jenis pembiayaan / jumlah pembiayaan / dokumen yang diperlukan<br>H4-Menyediakan salinan dokumen yang lengkap<br>H5-Menghantar permohonan kepada pihak institusi kewangan untuk diproses<br>H6-Memperoleh surat kelulusan pembiayaan daripada institusi kewangan<br>H7-Menandatangani kontrak perjanjian dengan institusi kewangan.<br><br>(a) ***Terima jawapan walaupun tidak ikut urutan** | <br><br><br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br><br>1<br>1<br><br>**Maks 5** |
| **10 (a)** | **Jenis pembiayaan yang sesuai bagi Firdaus**<br><br>F **Pajakan**<br>H1 Encik Firdaus boleh menggunakan jentolak<br>H2 dengan menyewa / membuat bayaran bulanan / bayaran secara berkala<br>H3 daripada bank / institusi kewangan / syarikat pajakan<br>H4 Tidak keluarkan wang utk membeli / jimat belanja<br>H5 Bank / institusi kewangan/syarikat pajakan adalah pemilik jentolak / Encik Firdaus ialah penyewa<br>H6 Encik Firdaus perlu serah semula kepada pemilik selepas tamat tempoh<br>H7 Jentolak boleh digunakan untuk cari pendapatan/untuk bayar sewa<br>[1F + 3H] | <br><br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br><br>1<br><br>1<br>1<br><br>**Maks 4** |
| | **(b) Kesan daripada kegagalan mencapai matlamat dan objektif**<br>H1 Jualan merosot/keuntungan merosot<br>H2 Sumbangan modal berkurangan<br>H3 Tidak mampu membayar kos perniagaan<br>H4 Gagal dalam persaingan/strategi bersaing kurang<br>H5 Imej perniagaan terjejas<br>H6 Sukar mendapat kerjasama daripada pihak berkepentingan/syarat pinjaman ketat bimbang tidak dapat bayar balik<br>H7 Tidak mampu mengembangkan perniagaan/buka cawangan baru/menambah kapasiti | <br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br><br>1<br><br>1<br><br>**Maks 4** |
| | **(c) Langkah-langkah untuk mencapai matlamat dan objektif dalam perniagaan**<br>H1 Mengurangkan kos<br>H2 Kurangkan pembaziran sumber / bahan api/air/baja/racun/ gunakan secara berhemah | <br>1<br><br>1 |

| | | |
|---|---|---|
| | H3 Menurunkan harga produk / nanas<br>H4 Mempelbagaikan produk / perkhidmatan<br>H5 Menjual anak benih / khidmat penghantaran<br>H6 Menggunakan teknologi terkini dalam pengeluaran<br>H7 Tempoh mengeluarkan hasil singkat / jimat kos / jimat masa / jimat tenaga<br>H8 Memberi latihan/motivasi kepada pekerja<br>H9 Mendapatkan khidmat nasihat daripada pakar<br>H10 Mempelbagaikan kaedah promosi / media terkini<br><br>**(d) Ciri keperibadian usahawan/Encik Firdaus**<br>F1 **Kreatif**<br>H1 Menghasilkan daripada bahan sampingan/serat nanas<br>H2 Memenuhi kehendak pengimport<br>H3 Mampu bersaing dalam pasaran<br>H4 Menguasai pasaran<br><br>(e) Peranan kemudahan teknologi maklumat dan komunikasi<br>H1 Membantu memudahkan sistem operasi<br>H2 Memperoleh maklumat dengan mudah dan cepat<br>H3 Memperluas skop perniagaan/secara maya<br>H4 Memudahkan aktiviti kewangan dan perakaunan<br>H5 Menjadikan operasi perniagaan lebih efektif dan efisien<br>H6 Meluaskan pasaran perniagaan/skala global/antarabangsa<br>H7 Mewujudkan hubungan dan jaringan yang lebih luas<br>H8 Mempercepat sistem pengeluaran dan pengedaran | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br><br>1<br>1<br>1<br><br>**Maks 6**<br><br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br><br>**Maks 3**<br><br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br><br>**Maks 3** |
| | | |